

31 MAR 2002

PASANGAN KURANG UPAYA PERBAHARUI IKRAR PERKAHWINAN DALAM BELON PANAS

PETALING JAYA, 31 Mac (Bernama) -- Ng Peng Wai, 38, dan isterinya Sia Siew Chin, 36, hari ini mencatatkan nama mereka dalam Buku Rekod Malaysia apabila menjadi pasangan kurang upaya pertama yang memperbaharui ikrar perkahwinan mereka dalam belon panas yang terapung 18 meter di udara.

Acara bersejarah itu, diadakan di Pusat Komuniti Grace di sini, disaksikan oleh Presiden Majlis Aids Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

Ng, yang popular bagi barangan kraf wayarnya dan isterinya, seorang pastor, kedua-duanya menggunakan kerusi roda dan mempunyai seorang anak perempuan berumur tiga tahun, menyambut ulangtahun kelapan perkahwinan mereka.

Pengarah Urusan Buku Rekod Malaysia Danny Ooi menyampaikan sijil kepada pasangan yang sungguh gembira itu.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Sia berkata acara itu amat bermakna kerana penganut agama Kristian percaya ulangtahun kelapan menandakan bermulanya kehidupan dalam sebuah perkahwinan.

"Tujuh ialah angka sempurna dalam Injil manakala lapan ialah permulaan baru. Kami berharap selepas memperbaharui ikrar perkahwinan, kami boleh memulakan hidup baru," katanya.

-- BERNAMA
ZAI MFJ RHM